

PM arah projek luar Malaysia dipantau

Agensi kerajaan perlu elak kontraktor jejas imej negara

Oleh Wan Hazmir Bakar
dan Shamsul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu agensi kerajaan berkaitan memantau aktiviti kontraktor Malaysia di luar negara dan mengambil tindakan segera terhadap sebarang aduan berhubung hasil kerja firma pembinaan terbabit.

Perdana Menteri yang baru pulang dari Syria dan Yaman berkata, semua aduan daripada negara berkenaan membabitkan kontraktor Malaysia perlu dilayani segera bagi menjaga nama baik negara.

"Kontraktor kita yang pergi ke luar negara diharapkan melaksanakan tugas sebaik-baiknya supaya kualiti projek atau perkhidmatan adalah yang terbaik.

"Agensi pusat pula mestilah sentiasa ambil tahu apa yang berlaku, terutama jika ada laporan daripada

luar negeri yang mungkin mengadu mengenai projek atau syarikat kita. Ambil tindakan cepat apabila kita dimaklumkan mengenai perkara itu," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di Dataran Perdana Putra, di sini, pagi semalam.

“Kontraktor kita yang pergi ke luar negara diharapkan melaksanakan tugas sebaik-baiknya supaya kualiti projek adalah yang terbaik”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana, Datuk Dr Abdullah Md Zin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, banyak negara asing ingin memperluaskan hubungan dua hala termasuk perniagaan dengan Malaysia.

Katanya, kejayaan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) e-Madinah di Arab Saudi membuktikan kemampuan syarikat Malaysia merancang dan melaksanakan projek besar di luar negara dengan baik.

"Kita ingin melihat kejayaan daripada apa kita lakukan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sepanjang berada di Asia Barat, negara yang dilawatnya menyanjung tinggi pencapaian Malaysia, terutama ekonomi dan sosial serta mahu mencontohinya.

"Pencapaian dan kejayaan negara

ini perlu dipertingkatkan lagi dengan perancangan disusun rapi dan pelaksanaan yang baik. Jika pelaksanaan tidak baik, perancangan yang sebaik mana pun tidak menghasilkan kebaikan," katanya.

Abdullah juga mahu jentera pentadbiran kerajaan melaksanakan tugas sebaik mungkin berikutan banyak negara bercadang menghantar pegawai mereka ke Malaysia untuk belajar cara merancang dan melaksanakan program pembangunan.

Katanya, negara berkenaan mahu memahami apa yang berlaku di negara ini dan mempelajari dasar dilaksanakan sehingga membolehkan Malaysia mencapai kejayaan dikagumi.

"Saya tak mahu orang anggap kita indah khabar daripada rupa. Dengar hebat dan baik, tetapi apabila datang tengok, tak macam itu pun, memalukan. Kita mahu khabar baik, rupa pun baik," katanya.